

Pameran SSMP di KPD

Oleh: Arneh Dullah



Pameran akademik sempena Hari Peladang, Penternak & Nelayan telah berlangsung di Tamu KPD Tg. Lipat, Kota Kinabalu pada 06hb – 09hb Oktober 2011.

Pameran yang berlangsung selama 4 hari ini telah melibatkan Jabatan Pertanian dan Jabatan Perikanan, syarikat-syarikat perusahaan seperti Desa dan Sabah International Dairy (SID) juga wakil-wakil usahawan kecil tempatan. Manakala UMS sendiri telah mewakilkan 4 buah sekolah iaitu Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP), Institut Penyelidikan Marin Borneo (IPMB), Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) dan Sekolah

Pertanian Lestari (SPL) yang mempamerkan produk sekolah masing-masing.

SSMP telah mempamerkan pelbagai produk khususnya produk yang berasaskan rumpai laut Sabah. Antara produk yang dipamerkan adalah keropok rumpai laut, coklat rumpai laut, mi rumpai laut, perencah rumpai laut, kopi rumpai laut dan teh rumpai laut. Produk-produk ini dihasilkan dengan kerjasama antara pensyarah dan pelajar SSMP.

Uji rasa makanan semestinya sudah tidak asing lagi bagi SSMP sebagai salah satu aktiviti semasa hari pameran. SSMP telah menyediakan 3 jenis produk makanan

sebagai uji rasa iaitu coklat rumpai laut, keropok rumpai laut dan mi rumpai laut untuk dinikmati oleh pengunjung. Pengunjung dapat menikmati produk-produk keluaran SSMP ini secara percuma. Ternyata, aktiviti uji rasa ini menjadi salah satu tarikan penting pengunjung untuk mengunjungi booth UMS selain untuk mendapatkan maklumat dan mengetahui lebih lanjut mengenai produk yang telah dihasilkan oleh wakil-wakil UMS yang mengambil bahagian.

Syabas dan tahniah kepada seluruh warga SSMP yang memberikan komitmen yang tinggi dalam menjayakan Pameran Hari Peladang, Penternak & Nelayan, 2011.